

# Satu perceraian setiap 15 minit di Selangor

Oleh MOHAMAD HAFIZ

YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 1 Jun** - Negeri Selangor mencatatkan kadar perceraian yang tinggi iaitu dengan purata satu kes perceraian setiap 15 minit mengikut statistik bagi kaum Melayu dan masyarakat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, semua pihak termasuk jabatan agama perlu memainkan peranan dan tanggungjawab bagi mengurangkan kadar berkenaan dengan memperlengkapkan setiap pasangan dengan ilmu dan asas sebelum berkahwin.


Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, mengikut kajian yang dijalankannya, majoriti golongan lelaki dan perempuan menilai pasangan mereka hanya berdasarkan faktor relatif dan luaran sahaja seperti paras rupa, tahap kekayaan dan karakter seseorang yang boleh berubah.

Katanya, kajian yang dilakukan selama enam bulan itu turut mendapati, kursus dan modul praperkahwinan yang dijalankan pada masa kini perlu diperhalusi dan diubah dengan memberi penekanan kepada perkara asas yang penting untuk berumah tangga.

"Modul yang terdapat pada masa kini hanya lebih berkonsepkan perniagaan semata-mata tanpa membekalkan ilmu yang penting.

"Masyarakat pada hari ini melihat perceraian sebagai penyelesaian utama, sedangkan ia begitu berbeza sebelum ini yang menjadikan ia sebagai jalan terakhir. Mereka tidak mempunyai ilmu yang sepatahnya diperlukan serta cara bagi menghadapi masalah dalam rumah tangga masing-masing," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, Mohammad Shatar berkata, faktor sosial dan



**KES perceraian di Mahkamah Syariah semakin bertambah setiap hari. - GAMBAR HIASAN**

persekitaran juga turut mempunyai hubung kait dengan kes perceraian yang berlaku di negara ini.

Menurutnya, sokongan moral terutama daripada kaum keluarga sangat diperlukan ketika pasangan menghadapi situasi sukar dalam perkahwinan mereka.

"Sokongan yang bersifat positif amat diperlukan untuk me-

nyelamatkan rumah tangga. Jika ada pihak yang cuba menghasut atau memberi nasihat yang buruk, keadaan akan bertambah teruk.

"Selain itu, pasangan hanya mengambil jalan singkat tanpa memikirkan implikasi kepada anak-anak untuk jangka masa panjang terutama dari sudut psikologi," katanya.